

30/05/2000

PM minta syarikat Petroleum prihatin

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan peneraju industri petroleum dunia supaya memikirkan nasib rakyat biasa sebelum mengambil sebarang tindakan, terutama dalam era globalisasi yang menyaksikan kebangkitan semula kuasa oligopoli.

Perdana Menteri berkata, syarikat petroleum tidak seharusnya mengaut kekayaan daripada penderitaan rakyat biasa seperti yang dilakukan pedagang mata wang kepada penduduk negara Asia tidak lama dulu.

Katanya, pedagang berkenaan langsung tidak menghiraukan nasib rakyat biasa negara terbabit walaupun tahu penurunan sekecil 0.1 peratus dalam nilai mata wang boleh membunuh ratusan manusia atau menyebabkan mereka kebuluran.

"Saya harap anda semua yang terbabit dalam industri gas dan minyak akan sentiasa mengingati mereka yang bergantung hidup kepada anda," katanya berucap merasmikan Persidangan Minyak dan Gas Asia, di Hotel Shangri-La di sini hari ini.

Dalam ucapan beliau kepada kalangan profesional, pembuat dasar, ahli strategi dan penganalisis industri petroleum dunia itu, Dr Mahathir turut menyingkap sejarah serta mengajukan pelbagai persoalan berhubung hala tuju industri itu.

Beliau berkata, sejak dulu lagi kisah industri itu berkisar kepada percubaan untuk menguasainya seperti usaha The Standard Oil Company milik John D Rockefeller sehinggalah ia dipecahkan kepada beberapa syarikat kecil kerajaan Amerika Syarikat.

Bagaimanapun, katanya, hasil pemecahan itu menyaksikan kemunculan syarikat oligopoli yang kekal berkuasa dalam industri petroleum sehingga mereka dikenali sebagai Seven Sisters.

Kini, katanya, kuasa oligopoli itu diperkukuhkan lagi dengan penggabungan syarikat gergasi petroleum berkenaan seperti BP dan Amoco, Exxon dan Mobil, Total Fina dan Elf, serta BP Amoco dan Arco sejak tiga tahun lalu.

Katanya, hasil penggabungan ini mewujudkan syarikat gergasi lebih besar yang akan memberi kesan hebat kepada industri itu sehingga mengetepikan syarikat petroleum milik negara dan mengubah peraturan sistem ekonomi dunia.

"Gelombang penggabungan mega ini sudah dan akan mengubah struktur perniagaan dengan segelintir entiti gergasi yang baru diwujudkan ini menguasai dan menjadi pemutus kata dalam industri.

"Kita sudah menyaksikan proses yang sama berlaku dalam industri berasaskan modal dan teknologi. Kita tahu globalisasi hanya akan memperhebatkan proses ini dalam industri petroleum," katanya.

Dr Mahathir berkata, walaupun Malaysia sedar ia adalah negara kecil yang kekayaannya jauh lebih kecil berbanding syarikat minyak utama dunia, ia perlu menegur perkembangan terkini seperti penggabungan mega syarikat terbabit.

Beliau berkata, manusia selama ini tidak berjaya menterjemahkan segala kebaikan seperti mana yang dijanjikan dalam idea dan konsep baru yang dilaksanakan itu.

Katanya, sudah acap kali manusia terbukti silap dalam soal sistem, ideologi dan konsep yang pada mulanya dilihat sebagai baik, adil dan tidak mungkin salah tetapi bertukar menjadi sebaliknya sehingga terpaksa dibuang.

"Sekarang kita diberitahu pula bahawa globalisasi, liberalisasi, deregulasi dan kuasa pasaran adalah baik untuk kita. Negara miskin dikatakan dapat mengaut kekayaan jika mereka menerima segala idea ini yang masanya dikatakan sudah tiba," katanya.

Perdana Menteri berkata, negara yang menguasai syarikat gergasi itu pula akan terus menggunakan petroleum sebagai senjata dasar luar mereka dan akan mencampuri urusan politik dan ekonomi negara lain.

Katanya, mereka akan mengancam rakyat negara berkenaan supaya menukar pemimpin masing-masing yang tidak disukai kuasa besar itu jika tidak mahu menghadapi kebuluran.

"Ini bukan forum politik, maka saya akan berhenti di sini. Tetapi melihat orang dijadikan pengemis bukan cara kita mengendalikan politik antarabangsa. Adalah primitif untuk memaksa orang mematuhi kita dengan memiskinkan mereka.

"Bukan salah rakyat jika mereka mempunyai pemimpin yang tidak disukai sesetengah orang," katanya.

Bercakap pada sidang akhbar kemudian, Dr Mahathir berkata, Malaysia membangkitkan persoalan itu bukan untuk kepentingan sendiri tetapi bagi kepentingan negara lain yang bergantung kepada hasil petroleum atau tidak mempunyai sumber itu.

Katanya, Malaysia sebagai pengeluar dan pengguna kecil hasil petroleum tidak menghadapi banyak masalah jika industri minyak dimanipulasikan pihak tertentu sehingga menyebabkan ketidakstabilan harga komoditi itu.

"Bagi kita minyak hanyalah penyumbang kecil kepada ekonomi. Kita tidak terlalu bergantung kepada minyak ... sektor elektronik menyumbangkan 80 peratus kepada jumlah eksport Malaysia setahun," katanya.

(END)